

Santapan Iman di Waktu Subuh

Setelah selesai daripada menunaikan fardu Subuh pada salah satu pagi, maka Saiyidina ‘Umar ibn al-Khattāb - sebagai khalifah dan *Amīr al-Mu‘minīn* yang mengimami sembahyang dalam masjid Madīnah al-Nabawī – menolehlah beliau ke belakang.

Dilihatnya ruangan masjid itu penuh sesak dengan orang-orang yang menunaikan seruan *mu‘adhdhin* untuk berjemaah dengannya. Girang hatinya dan bangga perasaannya melihat jemaah yang begitu banyak, berbondong-bondong laksana ombak yang mengalun membanjiri masjid sebagai hamba-hamba Allah yang taat lagi berbakti kepada Tuhannya, yang menyebabkan iri hati kita melihatnya dan terasa-rasa inginnya jika dapat berlaku yang demikian itu di tanah air kita dewasa ini.

Masih kedapatan lagi hamba-hamba Allah yang belum mau meninggalkan ruangan masjid di pagi yang nyaman itu, masing-masing telah munajat kepada Tuhannya. Ada yang sedang membaca ayat-ayat suci al-Qur‘ān yang menjadi santapan rohani, ada yang sedang berzikir dan bertasbih memuji Tuhan, menghening cipta memadu kasih kepada Tuhan yang dicintai - cinta yang datangnya selepas mengenal *ma‘rifah* dan tauhid. Ada yang sedang rukuk dan ada pula yang sedang sujud panjang mencemarkan diri, mempersembahkan segala amal bakti kepada Tuhan *Rabb al-‘Izzati*.

Tiba-tiba dilihat oleh beliau agak jauh diceruk masjid seorang hamba Allah sedang duduk bermuram durja, kepalanya terlentuk bagaikan orang sedang dirundung malang. Dengan perlahan-lahan *Amīr al-Mu‘minīn* pun mendekatinya untuk mengetahui siapa orangnya, dan nasib apakah gerangan yang sedang menimpa ke atas salah

seorang yang menjadi rakyatnya? Kiranya orang yang sedang mendapat perhatiannya itu ialah seorang penyair yang terkenal bernama Mutammim bin Nuwayrah.

Salam pun diucapkan kepadanya – iaitu ucapan yang menginginkan kesejahteraan ke atas saudara sesama muslim – dan pertanyaan pun mula dihadapkan kepadanya untuk mengetahui apa yang sedang dialaminya.

Dari jawapan yang diberikan oleh Mutammim tahulah khalifah itu akan kesedihan yang sedang diderita olehnya. Iaitu jawapan yang menaburkan kata-kata bersajak, susunan pantun dan syair yang menyayat hati, menceritakan nasibnya ditinggal pergi oleh kematian saudara lelakinya yang bernama Mālik.

Dalam syairnya ia meratapi Mālik ratapan yang tersusun dalam beberapa bait syair yang telah diciptanya, hinggakan Saiyidina ‘Umar sendiri bila mendengarnya tidak menyedari air matanya telah menitis lalu menangis.

Bila khalifah menangis, Mutammim sangat takjub dan kehairanan kerana ada rupanya orang yang mau bersimpati dengannya, ada orang yang sudi turut bersedih bersama-samanya malah orang itu lebih bersedih lagi daripadanya, dan dia bukanlah sebarang orang, iaitu khalifah sendiri, seorang ketua negara sebagai *Amīr al-Mu‘minīn*

Ia pun bertanya: ((Apakah yang menyebabkan tuan hamba menangis? Adakah kedukaan yang sedang saya derita layak untuk tuan turut menyertainya?))

Saiyidina ‘Umar pun menjawab dengan nada yang terputus-putus dan suara yang diselangi-selangi sedu sedan yang menyayat hati, katanya:

((Ingin benar saya, kalaulah dapat menjadi seorang penyair. Kalaulah saya seorang penyair saya susun rangkuman kata, saya rangkaikan menjadi syair ratapan, ibarat sekalung bunga yang akan saya hadiahkan kepada saudara saya Zayd ibn al-Khattāb yang telah meninggal dunia, sebagaimana engkau telah dapat merungkaikannya untuk saudaramu Mālik.))

Jawapan *Amīr al-Mu‘minīn* ini menyebabkan Mutammim bertambah-tambah lagi takjubnya. Terasa juga olehnya betapa khalifah itu sedang mengalami kedukaan yang sama, dan kedukaan beliau itu lebih-lebih lagi dirasakannya bila mana beliau tak pandai menyusun kata dalam bentuk pantun atau syair ratapan sebagai sebuah karya yang akan dipersembahkan untuk saudaranya.

Mutammim menyedari bahawa hatinya yang penuh berisi iman tidaklah mudah menjadi luluh dimamah oleh kesedihan. Kesedihannya telah berubat, dan menjadi sembuh kerana adanya simpati orang lain yang turut melipurkannya di pagi hari itu. Dan kini ia berasa pula untuk menolong orang yang kesedihan yang sedang berada di hadapannya. Khalifah berasa sedih kerana tak tahu mencipta sepotong syair sebagai bisikan untuk Allahyarham saudaranya seperti ia kerana ia bukan penyair. Dia yakin kesedihan khalifah itu akan berubat

bila dihidangkan kepadanya santapan keimanan.

Maka dengan nada menyedarkan lagi menghibur, berkatalah Mutammim:

((Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada *Amīr al-Mu‘minīn* yang mempunyai seorang saudara yang telah berjaya mendapat kurnia pangkat ((mati syahid pada jalan Allah)) dengan memasuki syurga secara reda dan diredai pula oleh Tuhannya. Kalaulah adik saya Mālik mati dalam keadaan yang serupa dengan kematian Zayd bin al-Khattāb, nescaya tidaklah perlu saya meratapinya walau dengan sebaris pun, sebab dia akan menikmati kurnia dari Tuhannya.))

Bila Saiyidina ‘Umar mendengar ini, berseri-serilah wajahnya, bersinar-sinarlah cahaya mukanya, hilanglah segala duka dan kesedihannya, terpekiklah ia bagaikan dikejutkan dari tidur, dan terhamburlah kata-kata pujian syukur ke hadrat Allah seraya katanya:

((Demi Allah, belum pernah saya menerima takziah yang merupakan suatu hiburan dari seorang pun seperti takziah yang diberikan oleh Mutammim kepada saya. *al-hamduli‘Lāh*, segala puji-pujian itu bagi Allah seru sekalian alam.))

Demikianlah sekelumit cerita yang membayangkan suatu peristiwa yang menyelinap di sebalik turunnya embun pagi, tetapi telah membawa erti yang besar, erti keimanan yang segar dan subur, yang mulanya hampir terlindung oleh turunnya kabut kesedihan yang tebal, akhirnya kabut itu telah disingkapkan oleh cahaya keimanan yang disongsong dengan terbitnya matahari.